



## TERMA DAN SYARAT KEMPEN “JOM BAYAR TANPA TUNAI”

### 1. TEMPOH KEMPEN

1.1 Kempen “*Jom Bayar Tanpa Tunai*” (“Kempen”) ini dianjurkan oleh Bank Pertanian Malaysia Berhad ((200801010522 (811810-U)) (Agrobank) (“Bank”) bermula daripada **1 November 2020 hingga 30 April 2021** (“Tempoh Kempen”).

### 2. KELAYAKAN DAN MEKANISME KEMPEN

2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan Bank sedia ada, pelanggan baru Bank, pemegang Kad Debit Agro Visa-i yang aktif termasuklah kakitangan Bank (kecuali kakitangan di Jabatan Kempen dan Promosi), sama ada warganegara Malaysia atau bukan (“Peserta”).

2.2 Peserta hendaklah memiliki Kad Debit Agro Visa-i yang aktif dan telah berdaftar sebagai pengguna AGRONet.

2.3 Peserta mestilah membuat sekurang-kurangnya lima (5) transaksi dengan **nilai minima sebanyak RM30.00 bagi setiap satu transaksi** dengan **menggunakan AGRONet, Aplikasi ‘AGRONet Mobile Banking’ ATAU Kad Debit Agro Visa-i pada bulan yang sama** untuk layak secara automatik untuk menyertai kempen ini.

2.4 Sebarang transaksi pembelian atau pembayaran yang dibuat bagi tujuan Kempen ini hendaklah bagi produk-produk atau perkhidmatan-perkhidmatan yang halal (mengikut prinsip Syariah Islam) sahaja.

2.5 Setiap transaksi yang dibuat oleh Peserta sepertimana dinyatakan di perenggan 2.3 di atas melayakkan Peserta memperoleh satu (1) Mata Penyertaan (MP).

2.6 Mata Penyertaan bagi setiap jenis produk atau perkhidmatan adalah seperti berikut:

Jenis Produk/Perkhidmatan	Mata Penyertaan (MP)
Pembayaran Bil	1
Penggunaan MyDebit (menerusi terminal)	1
Transaksi JomPAY	1
Pendaftaran dan Transaksi DuitNow	1
Muat turun dan transaksi di aplikasi 'AGRONet Mobile Banking'	1
Transaksi melalui FPX (tertakluk kepada ketersediaan)	1
Pembayaran Zakat menerusi AGRONet	1
Sumbangan Wakaf (dengan jumlah minima sebanyak RM50.00)	1

### 3. HADIAH

3.1 Terdapat dua kategori hadiah ("Hadiah") ditawarkan kepada para pemenang Kempen ("Pemenang"):

- a) **Hadiah Bulanan:** Pemilihan pemenang akan dibuat berdasarkan Mata Penyertaan (MP) untuk bulan tersebut. Cabutan bagi Hadiah Bulanan akan diadakan secara bulanan iaitu bulan Disember 2020, Januari 2021, Februari 2021, Mac 2021, April 2021 dan Mei 2021.
- b) **Hadiah Utama:** Pemilihan pemenang akan dibuat berdasarkan Mata Penyertaan (MP) untuk 6 bulan tempoh kempen. Cabutan untuk Hadiah Utama akan diadakan pada Jun 2021.

3.2 Pemenang tidak layak memenangi Hadiah Bulanan lebih dari satu (1) kali tetapi tetap layak bagi cabutan untuk Hadiah Utama.

3.3 Senarai Hadiah adalah seperti berikut:

#### A) Hadiah Bulanan

Bulan	Jumlah Pemenang	Hadiah Bagi Setiap Pemenang
November 2020	5	Wang Tunai RM300

<b>Disember 2020</b>	5	Wang Tunai RM300
<b>Januari 2021</b>	5	Wang Tunai RM300
<b>Februari 2021</b>	5	Wang Tunai RM300
<b>Mac 2021</b>	5	Wang Tunai RM300
<b>April 2021</b>	5	Wang Tunai RM300

## B) Hadiah Utama

<b>Bil.</b>	<b>Hadiah</b>	<b>Jumlah Unit</b>
1	<b>Tempat Pertama</b> iPhone 12 Pro (256 GB)	1
2	<b>Tempat Kedua</b> KitchenAid 4.8L Bowl-Lift Stand Mixer	1
3	<b>Tempat Ketiga</b> Komputer Riba Huawei Matebook D14	1
4	<b>Tempat Keempat</b> Dyson V11 Fluffy Cord-Free Pembersih Hampagas	1
5	<b>Tempat Kelima</b> Commercial Gas Baking Ketuhar	2
6	<b>Tempat Keenam</b> Baucar beli -belah Mydin	4

- 3.4 Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada individu lain atau pihak ketiga dan tidak boleh ditukar kepada wang tunai atau barangan lain.
- 3.5 Pihak Bank berhak untuk menukar, mengubah atau menggantikan mana-mana hadiah dengan produk, model, jenama atau warna yang berbeza dengan nilai yang sama pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu.
- 3.6 Bank tidak memberikan jaminan atau perwakilan sama ada, tersurat, tersirat atau mengikut undang-undang, berkaitan Hadiah termasuklah, tetapi tidak terhad kepada, berkenaan kualiti kebolehdagangan dan kesesuaian untuk tujuan Hadiah tersebut.
- 3.7 Gambar-gambar Hadiah yang dipaparkan di mana-mana bahan promosi, iklan atau lain-lain bahan berkaitan Kempen ini (jika ada) adalah semata-mata untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin tidak menggambarkan Hadiah yang sebenar.

#### **4. NOTIS PEMBERITAHUAN PEMENANG**

- 4.1 Pemenang akan dihubungi oleh pihak Bank dan nama Pemenang akan diumumkan di laman web Bank ([www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my)).
- 4.2 Sekiranya Pemenang tidak dapat dihubungi, Hadiah akan diberikan kepada Peserta lain sepertimana ditetapkan dan/atau dipilih oleh pihak Bank.
- 4.3 Wang tunai bagi Hadiah Bulanan akan dikreditkan ke dalam akaun Agrobank Pemenang.
- 4.4 Hadiah Utama akan diberikan secara terus kepada Pemenang.

#### **5. UMUM**

- 5.1 Dengan menyertai Kempen ini, Peserta bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Kempen ini dan segala keputusan yang dibuat oleh pihak Bank berkaitan dengan Kempen ini.
- 5.2 Peserta dinasihati untuk memeriksa fi dan/atau caj yang mungkin dikenakan ke atas sebarang transaksi yang dilakukan oleh Peserta berhubung dengan Kempen.
- 5.3 Terma dan Syarat Kempen ini, serta segala keputusan yang dibuat oleh pihak Bank, berkaitan Kempen ini termasuklah berhubung pemilihan Pemenang dan/atau Hadiah adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Tiada surat-menyurat, pertanyaan dan/atau rayuan bagi sebarang pertikaian atau perkara berkaitan dengan keputusan pihak Bank yang akan dilayan.
- 5.4 Pihak Bank berhak untuk meminda, mengubah atau memansuhkan Terma dan Syarat ini, atas budi bicara penuh dan mutlaknya, tanpa notis terlebih dahulu. Apa-apa pindaan ke atas Terma dan Syarat ini boleh dimaklumkan kepada Peserta melalui kaedah yang dianggap sesuai oleh Bank, tidak terhad kepada pos, pemberitahuan dalam media massa, melalui transmisi elektronik, memaparkan notis di cawangan Bank atau di laman web Bank atau di mesin juruwang automatik (ATM) atau lain-lain terminal di bawah kawalan Bank.
- 5.5 Pihak Bank juga berhak untuk melanjutkan, membatalkan, menamatkan atau menangguhkan Kempen ini atas apa jua sebab, tanpa notis terlebih dahulu.

- 5.6 Bagi mengelakkan sebarang keraguan, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang atau keseluruhan kerugian, kerosakan atau kos-kos yang dialami atau ditanggung oleh Peserta, sekiranya ada, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung, bagi tujuan Kempen ini dan/atau disebabkan pembatalan, penamatan, penggantungan atau lanjutan Tempoh Kempen atau lain-lain perkara yang tidak dapat diramal diluar kawalan munasabah Bank dan untuk apa-apa perbuatan atau kemungkiran pembekal atau vendor pihak ketiga.
- 5.7 Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, kesamaran atau pertikaian melibatkan pentafsiran antara Terma dan Syarat ini di dalam sebarang material promosi bagi Kempen ini, Terma dan Syarat di dalam Bahasa Inggeris, yang terdapat di laman web Bank, hendaklah terpakai dan mengatasi (lain-lain versi).
- 5.8 Dengan menyertai Kempen ini, Peserta dengan ini bersetuju agar dan memberi kebenaran kepada pihak Bank, termasuklah untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan atau memproses nama, nombor pengenalan diri/pasport dan imej atau lain-lain butiran ("Data Peribadi") (jika perlu), bagi menjayakan Kempen ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada untuk mengumumkan dan memaparkan Data Peribadi Peserta di laman web Bank bagi tujuan pemasaran atau publisiti. Peserta tidak berhak menuntut pemilikan atau lain-lain bentuk ganti rugi ke atas butiran tersebut. Peserta juga bersetuju untuk terikat dengan notis privasi Bank yang dipaparkan di laman web Bank ( [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my)). Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi berhubung Kempen ini hendaklah ditadbir berdasarkan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan undang-undang Malaysia yang berkaitan.

Nota: Peserta/Pemenang adalah dinasihati untuk mengambil langkah berjaga-jaga apabila menerima sebarang permintaan bagi Data Peribadi dan boleh menghubungi pihak Bank bagi tujuan verifikasi berkenaan Kempen ini.

- 5.9 Masa adalah intipati Terma dan Syarat ini.
- 5.10 Kempen serta Terma dan Syarat ini hendaklah tertakluk dan ditafsirkan oleh undang-undang Malaysia serta di bawah bidangkuasa eksklusif mahkamah di Malaysia.

<Tamat>